

23 DEC 2000

Adnan-Laporan

PAHANG HANTAR LAPORAN MENGENAI CAMERON HIGHLANDS KEPADA PM LEPAS RAYA

KUANTAN, 23 Dis (Bernama) -- Kerajaan Pahang akan mengemukakan laporan mengenai pembangunan yang dijalankan di tanah tinggi Cameron Highlands kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selewat-lewat dua minggu selepas Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata laporan itu membabitkan butiran mengenai jumlah projek yang sedang berjalan, keluasan tanah yang telah dikeluarkan hakmilik dan keadaan pembangunan semasa di situ.

Rumusan laporan yang disediakan oleh beberapa buah jabatan itu akan dihantar kepada Perdana Menteri selepas Hari Raya, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri di Wisma Sri Pahang di sini hari ini.

"Hasil mesyuarat exco Rabu lepas, kita juga menetapkan bahawa polis tidak perlu mengadakan kawalan di tanah tinggi berkenaan, yang banyak dicerobohi seperti yang dilaporkan sebuah stesen televisyen baru-baru ini.

"Tindakan itu dibuat kerana kerajaan negeri tidak mahu ia kelihatan seperti suasana terlalu darurat sekiranya Pasukan Gerakan Am (PGA) berkawal...seolah-olah ada unsur jenayah keganasan berlaku di situ," katanya.

Adnan berkata bagi mengatasinya, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan Ketua polis daerah diminta bersemuka dengan mereka yang mengendalikan jentera berat bagi pembersihan kawasan hutan di situ dan meminta mereka menghentikan operasi jika belum mendapat kelulusan PTD.

"Penerokaan haram ini tidak boleh berlaku tanpa adanya jentera-jentera berat...oleh sebab itu kita minta Ketua Polis Daerah dan PTD memberi arahan tersebut kepada mereka pagi ini," katanya.

Menurut Adnan sekiranya engkar, mereka akan didakwa di mahkamah.

Adnan berkata tidak semua tanah di kawasan peranginan itu diterokai secara haram kerana antara tempat yang terdedah di situ merupakan tapak pembinaan sekolah, kegiatan pertanian dan pembinaan kuarters kerajaan yang sudah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

-- BERNAMA

SHS LAT